



## **PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU**

### **DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN JABATAN**

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif kepada seluruh warga kerja dan pihak-pihak lain sebagaimana Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut, PTG Terengganu komited untuk :

1. Melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab memastikan arahan keselamatan Kerajaan dilaksanakan;
2. Memastikan segala aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan segera bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat;
3. Memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah sebarang akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang kebocoran maklumat;
4. Menjamin dan mengutamakan konsep keselamatan dan perlindungan ke atas semua aset ICT dan memastikan teknologi terkini digunakan untuk melindungi data bagi menghalang sebarang capaian oleh pihak luar;
5. Memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya supaya seluruh warga kerja dan mana-mana pihak lain yang berurus dengan perkhidmatan awam sentiasa melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi sebagaimana peruntukan dasar, pekeliling, prosedur undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
6. Memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan, mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan.

  
**(DATO' HAJI ISHAMUDIN BIN HASHIM)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**TERENGGANU**